

ABSTRAK

Solat merupakan kewajipan dan syiar yang paling utama bagi seorang muslim. Ia adalah rukun Islam yang kedua yang perlu dijaga oleh setiap umat Islam. Penekanan terhadap pendidikan solat ini perlu disemai pada peringkat awal kanak-kanak lagi. Oleh itu, untuk memastikan solat dilakukan dengan sempurna, segala pengetahuan tentang syarat-syarat solat perlu diberi keutamaan termasuklah rukun solat. Menyedari akan kepentingan ini, Model Kem Bestari Solat(KBS) di bawah Program j-QAF telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Jabatan Pendidikan Islam dan Moral mulai tahun 2005 yang bertujuan memastikan murid dapat menunaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan, perbuatan, ilmu pengetahuan dan penghayatan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti penguasaan murid terhadap rukun solat yang dijalankan di sekolah rendah daerah Gua Musang. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik, temubual berstruktur dan melalui pemerhatian. Seramai 315 orang murid tahun lima di enam buah sekolah rendah telah dipilih sebagai sampel kajian. Penganalisisan data kuantitatif dibuat dengan menggunakan perisian SPSS- Windows versi 19 manakala data temubual dan pemerhatian dianalisis secara kualitatif. Statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan penguasaan rukun solat murid di bandar lebih tinggi berbanding murid luar bandar dalam menguasai ketiga-tiga rukun solat iaitu rukun *qalbi*, rukun *qawli* dan rukun *fi'li*. Kajian ini juga mendapati wujud perbezaan dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran guru antara bandar dan luar bandar dalam pelaksanaan KBS. Selain membincangkan dapatan kajian, pengkaji turut mengetengahkan beberapa cadangan di

akhir kajian supaya pelaksanaan KBS dilakukan dengan rapi agar matlamat KBS tercapai sepenuhnya.